

# **Pengaruh Kontekstual terhadap Kelahiran Teks dan Kaedah Lakonan Bangsawan Tahun 1980-an di Sarawak**

Oleh

Nur Afifah Vanitha binti Abdullah (Ph.D)

Program Drama dan Teater

Jabatan Seni Persembahan dan Teknologi Produksi

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

[anafifah@faca.unimas.my](mailto:anafifah@faca.unimas.my)

## **Abstrak**

Teater Bangsawan mula berkembang di Sarawak sekitar awal abad ke-20. Sejak kedatangan teater ini sehingga awal tahun 1970-an, pelakon Bangsawan di Sarawak berpegang kepada kaedah lakonan improvisasi tanpa teks. Namun senario ini mula mengalami perubahan sejak awal tahun 1980-an apabila teks-teks Bangsawan mula dihasilkan oleh penggiat teater tempatan ketika itu.

Kertas kerja ini akan meneliti pengaruh kontekstual Sarawak pada 1980-an terhadap kelahiran teks-teks Bangsawan dan perubahan pada kaedah lakonan Bangsawan ketika itu. Konsep “*metacommentary*” yang dikemukakan oleh Richrad Schechner (1985) dalam “teori persembahan” akan diaplikasi sebagai alat untuk menganalisis subjek kajian. Kertas kerja ini berharap untuk mengenalpasti dan menghuraikan faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi kelahiran teks dan perubahan kaedah lakonan Bangsawan di Sarawak pada tahun 1980-an.